

NAMA : TINGKATAN:
 NO. KAD PENGENALAN

						-			-				
--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--

 ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2025

1249/2

SEJARAH

Kertas 2

Tingkatan 5

Ogos 2025

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian. **Bahagian A** dan **bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di **bahagian A** dan **tiga** soalan daripada **bahagian B**.
3. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah penuh	Markah diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah		100	

Kertas soalan ini mengandungi 20 halaman bercetak

Bahagian A [40 *markah*]Jawab **semua** soalan.

- 1 Hukum Kanun Melaka mengandungi 44 Fasal yang membincangkan hal pentadbiran dan perundangan.

- (a) Apakah bidang kuasa sultan dan pembesar menurut undang-undang tersebut?

.....

.....

.....

.....

[2 *markah*]

- (b) Jelaskan pelaksanaan hukuman jenayah dalam Hukum Kanun Melaka.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

- (c) Mengapakah sistem perundangan Kesultanan Melayu Melaka menjadi rujukan penggubalan undang-undang kerajaan Melayu lain?

.....

.....

.....


.....

.....

.....

[4 *markah*]

- 2 Rajah berikut menunjukkan proses Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan Tanah Melayu 1955.



- (a) Apakah X dan Y?

X.

Y.

[2 markah]

- (b) Mengapakah pilihan raya ini penting kepada negara?

.....

[4 markah]

(c) Maklumat berikut berkaitan pilihan raya di negara kita.

Seksyen 3 Akta Perlembagaan (Pindaan) 2019 menyatakan pindaan terhadap umur bagi warganegara yang layak mengundi dari 21 tahun kepada 18 tahun dan membenarkan pendaftaran pengundi secara automatik bagi menggantikan sistem semasa yang menyaksikan rakyat Malaysia perlu memohon untuk mendaftar sebagai pengundi.

Sumber: <https://www.astroawani.com/>

Pada pandangan anda, adakah penurunan had umur mengundi baik untuk negara?

Kemukakan hujah anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 3 Kedaulatan sesebuah negara sangat penting dan merupakan penentu kepada hala tuju sesebuah negara.

(a) Nyatakan maksud kedaulatan

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

(b) Mengapakah kita perlu mempertahankan kedaulatan negara?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Teliti pernyataan berikut.

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim menitahkan kerajaan memastikan hak kedaulatan serta kepentingan negara terus kekal terpelihara, walaupun ia hanya sekadar seketul batu karang di tengah lautan.

Sumber: <https://www.astroawani.com>

Ulaskan pernyataan tersebut

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

4. Dasar Pembangunan Nasional (DPN) merupakan kesinambungan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dirangka untuk tempoh masa 10 tahun iaitu 1991- 2000.

(a) Apakah matlamat Dasar Pembangunan Nasional (DPN)?

.....

.....

.....

.....

[2 *markah*]

(b) Jelaskan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dari aspek berikut:

i) Membasmi kemiskinan

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[2 *markah*]

ii) Penyusunan Semula Masyarakat

.....

.....

.....

.....

.....

[2 *markah*]

(c) Teliti poster berikut.



Sumber: <https://www.bernama.com.24.3.25>

Berikan ulasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab tiga soalan daripada bahagian ini.

5 Nasionalisme di Thailand berbeza daripada gerakan nasionalisme dengan negara lain di Asia Tenggara.

(a) Huraikan perkembangan nasionalisme yang berlaku di Thailand. [6 markah]

(b) Jelaskan iktibar perjuangan pemimpin terdahulu di Thailand . [6 markah]

(c) Baca petikan berita berikut dengan teliti.

KUALA LUMPUR - Pengorbanan jerih perih pemimpin-pemimpin terdahulu dalam memperjuangkan kemerdekaan harus sentiasa diingati dan dihargai, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof.

Dalam catatan menerusi Facebook, beliau berkata, perjuangan serta pengorbanan para pemimpin terdahulu telah membentuk jati diri bangsa Malaysia sehinggalah hari ini.

"Merdeka harus sentiasa tersemai dalam setiap jiwa kita, bagi memperingati legasi dan warisan tokoh-tokoh seperti Almarhum ayahanda saya Yusuf Merais, antara yang berjuang dengan semangat waja penuh pengorbanan dan keazaman tanpa mengenal titik henti.

"Bersama rakan seperjuangannya Rosli Dhobi, mereka gigih mengukir sejarah kemerdekaan negara, sebagai sebuah kisah yang penuh dengan curahan keringat, pengorbanan dan keberanian. Perjuangan serta pengorbanan mereka yang terdahulu telah membentuk jati diri bangsa kita sehinggalah hari ini. Cahaya Merdeka yang menyala dalam jiwa kita adalah warisan daripada mereka yang merupakan sumber semangat yang mampu kita abadikan dalam setiap usaha kita sehingga kini," katanya.

Fadillah berkata, meraikan kepelbagaian, hidup bersatu padu, menghargai keunikan budaya, kepercayaan dan etnik di negara telah menjadikan Malaysia sebuah negara yang aman dan makmur. Beliau berkata, semua kaum di negara ini saling melengkapi antara satu sama lain, dalam simfoni ikatan harmoni.

"Berakar umbi daripada legasi merdeka, perpaduan ini memaknai hubungan kukuh yang menyatukan kita sebagai rakyat Malaysia."Segulai Sejalai (Seiring Sejalan) kita memandang ke hadapan, melukis potret kemajuan yang kemakmuran dan perpaduan bersatu," katanya.

Sumber: www.sinarharian.com.my

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kepentingan meneladani perjuangan pemimpin terdahulu

[8 markah]

- 6 Persekutuan Tanah Melayu telah ditubuhkan secara rasmi pada 1 Februari 1948 setelah Raja-raja Melayu menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 di King's House, Kuala Lumpur.

- (a) Mengapakah Raja-raja Melayu menyokong perjanjian tersebut? [6 *markah*]
- (b) Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 adalah langkah awal mewujudkan perpaduan kaum di negara kita. Bincangkan. [6 *markah*]
- (c) Baca maklumat berikut.

KUALA LUMPUR - Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim pada Isnin menitahkan kerajaan perlu merangka satu dasar untuk mengukuhkan keharmonian dan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Berdasarkan pengamatan Seri Paduka Baginda, hubungan perpaduan antara kaum di negara ini masih belum sempurna, walaupun setelah lebih 60 tahun Malaysia dibentuk. "Masih ada generasi yang gagal menguasai bahasa kebangsaan dan memahami budaya hidup kaum lain".

"Pepatah Melayu ada menyebut meluntur buluh biarlah dari rebunginya, yang bermaksud jika kita hendak melahirkan generasi masa depan yang bersatu padu dan saling memahami, kita mesti membentuk mereka sejak dari kecil," titah Sultan Ibrahim.

Sumber diubah suai : Sinar Harian 28 Februari 2024

Jelaskan mesej yang terkandung dalam petikan tersebut dan kepentingan perpaduan dalam membina identiti bangsa Malaysia. [8 *markah*]

- 7 Malaysia ialah sebuah negara berdaulat yang mengamalkan sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.

(a) Jelaskan sistem pemerintahan berikut.

- i. Raja Berperlembagaan [6 markah]
- ii. Demokrasi Berparlimen [6 markah]

(b) Baca petikan berikut.

KUALA LUMPUR: Institusi Raja Berperlembagaan adalah penting untuk dikekalkan bagi memastikan bahawa demokrasi berparlimen yang diamalkan negara ini sejak mencapai kemerdekaan terus terpelihara secara adil dan saksama.

Pensyarah undang-undang dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Prof Madya Khairil Azmin Mokhtar berkata ini kerana institusi berkenaan bersifat neutral serta tidak berpihak kepada mana-mana parti dalam menentukan kerajaan yang akan mentadbir negara.

Beliau berkata menerusi sistem berparlimen, antara peranan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara adalah untuk melantik ketua kerajaan atau perdana menteri yang akan mentadbir negara ini.

"Bila ada raja maka ada kesinambungan dan tidak perlu pilihan raya untuk rakyat pilih ketua negara, cuma ada pilihan raya untuk memilih kerajaan," katanya ketika menjadi tetamu pada program "Apa Khabar Malaysia" terbitan Bernama TV hari ini.

Khairil Azmin berkata keunikan peranan Yang di-Pertuan Agong adalah apabila berlaku situasi Parlimen tergantung, yakni sekiranya tiada mana-mana parti memperoleh kemenangan majoriti pada pilihan raya umum (PRU).

Sumber diubahsuai: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/institusi-raja-berpelembagaan-penting-untuk-pelihara-sistem-demokrasi>

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan.

Apakah kesan jika sistem Raja Berperlembagaan tidak dipertahankan?

[8 markah]

8. Usul pembentukan Malaysia dibentangkan di Dewan Rakyat pada 16 Oktober 1961 dan mendapat sokongan majoriti ahli dewan. Sokongan ini membolehkan kerajaan menggerakkan usaha pembentukan Malaysia.

(a) Terangkan langkah-langkah pembentukan Malaysia. [6 markah]

(b) Jelaskan kepentingan Perjanjian Malaysia 1963. [6 markah]

(c) Teliti petikan berikut.

Malaysia hari ini menonjol di mata dunia sebagai negara contoh yang menyajikan bagaimana masyarakat daripada pelbagai etnik yang berbeza dapat hidup dalam aman dan harmoni serta bekerjasama untuk kemajuan dan kesejahteraan negara. Sebagai sebuah negara yang mempunyai pelbagai kaum, budaya dan agama, Malaysia sememangnya unik dalam membuktikan bagaimana kepelbagaian dapat disatukan dan dimanfaatkan untuk pembinaan negara.

Malaysia mempunyai peluang untuk mengukuhkan kedudukannya sebagai panduan penanda perpaduan serta perpaduan sosial dalam demografi penduduknya yang terdiri daripada pelbagai kaum. Kepelbagaian Malaysia melangkaui ciri demografi yang berfungsi sebagai sumber kekuatan dan daya tahan yang mendalam. Dengan komposisi berbilang kaum Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan dan pelbagai kumpulan peribumi, masing-masing menyumbangkan perspektif dan pengalaman yang berbeza.

Menerima kepelbagaian ini bermakna masyarakatnya bergerak melangkaui toleransi untuk kita semua secara aktif menghargai dan meraikan budaya yang berbeza. Kempen kerajaan dan pelbagai acara komuniti yang menonjolkan kekayaan latar budaya Malaysia boleh memupuk rasa bangga dan kekitaan bersama.

Sumber: www.sinarharian.com

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan langkah mewujudkan perpaduan demi kestabilan negara. [8 markah]

9. Pelibatan Malaysia dalam negara serantau membolehkan negara kita menjadi anggota ASEAN yang memberikan manfaat dalam ekonomi, sosial dan politik.

(a) Jelaskan latar belakang penubuhan ASEAN

[4 markah]

(b) Berikut merupakan moto ASEAN.

keamanan, kestabilan, kegigihan, kedinamikan, kesucian dan kemakmuran.

Ulasakan.

[8 markah]

(c) Infografik berikut berkaitan cabaran ASEAN.



Huraikan cabaran yang dihadapi oleh ASEAN dan langkah bagi menangani cabaran tersebut.

[8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

